

GHAZALI MINTA RUSSIA UNDUR

KUALA LUMPUR, Selasa — Malaysia sekali lagi menggesa Russia berundur dari Afghanistan untuk mengembalikan kewibawaannya sebagai satu kuasa besar yang boleh memainkan peranan lebih berkesan mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, ketika berucap di sidang pleno mengenai di Afghanistan di Bangsa-Bangsa Bersatu di New York semalam, berkata jika Russia berbuat demikian dunia sekali lagi dapat menyaksikan bahawa 'juara pihak yang tertekan tidak lagi menekan.'

Tambahnya, Russia boleh belajar dari Amerika Syarikat yang membuktikan keagungannya dan keagungan rakyatnya dengan menarik diri dari Vietnam secara bermaruah sebelum terlambat.

Teks ucapannya dikeluarkan di sini hari ini.

Sebagai kuasa besar, Russia sepatutnya memainkan peranan penting dalam Majlis Keselamatan bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia, kata Menteri Luar itu.

Beliau mengingatkan anggota badan

dunia itu supaya belajar daripada sejarah: "Tidak ada sebuah negara atau mana-mana kuasa, tidak kira betapa idealistik dan apa pun kaedah yang digunakan, yang pernah berjaya meneken azam dan semangat sebuah negara lain begitu lama."

Katanya, kaedah yang digunakan oleh sesebuah kuasa besar untuk penguasaan, pengaruh dan pengluasan wilayah, yang kerap mengakibatkan penderitaan dan kehancuran, ialah dengan meletakkan seorang pemimpin boncka.

Beliau juga menyorot kembali pergolakan di Vietnam dalam tahun-tahun 50-an hingga tahun-tahun 70-an apabila salah sebuah kuasa besar dunia, dengan kezamaman bersungguh-sungguh, melancarkan dasar pengongkongan yang terliham daripada kepercayaan idelogikal dan idealistiknya sendiri.

Untuk mencapai matlamat itu, katanya, kuasa-kuasa besar yang dianggap bersimpati dan mudah diperalatkan, telah dipergunakan.

Beliau menambah, jika besar 'pelaburan' oleh kuasa besar itu, maka besar pulalah ruang manipulasi untuknya.

Mengenai Afghanistan, Tan Sri Ghazali berkata corak dan kaedah yang digunakan agak sama, walaupun motivasi idelogikal berbeza dari keadaan di Vietnam itu.

Tambahnya, campurtangan bersenjata Russia di Afghanistan dalam 1979 juga mewujudkan perubahan dari segi keselamatan di rantau itu.

Kesannya terhadap keamanan dunia agak serius dan menimbulkan kebimbangan di kalangan masyarakat antarabangsa, terutama negara-negara Dunia Ketiga.

Perkembangan seperti itu, katanya, menghalang usaha negara-negara di rantau itu meningkatkan kerjasama di kalangan mereka untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau, tambahannya.

Sanjung

Menteri Luar itu memuji Kerajaan Pakistan atas kesabaran, ketabahan dan kezamannya menghadapi masalah besar orang-orang pelarian Afghanistan yang terpaksa diberi perlindungan dan makanan — hanya kerana mereka diusir dari tanah air mereka.

"Malaysia menyanjung Pakistan dan Iran, yang juga menghadapi masalah yang sama, atas usaha mereka mencari penyelesaian politik secara aman kepada masalah itu," katanya.

Beliau mengulangi sokongan penuh Malaysia terhadap usaha Bangsa-Bangsa Bersatu mencari penyelesaian politik terhadap masalah Afghanistan, yang didasarkan kepada penarikan sepenuhnya tentera asing, pemulhan kedudukan berkecuali/Islam, kepulangan orang-orang pelarian Afghanistan ke tanahair mereka dan hak pemerintahan sendiri rakyat negara itu. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia